

24 MAY 2000

MAHATHIR-NECC/I

DR MAHATHIR LANCAR PEMBANGUNAN NECC DI BEKAS TERMINAL 1

SUBANG, 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pembangunan Pusat Pameran dan Konvensyen Negara (NECC) yang terletak di bekas Terminal 1 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini.

NECC akan dibangunkan dan diuruskan oleh Malaysia Airports Holdings Bhd pada anggaran kos RM1 bilion.

Pengerusi eksekutif MAB, Tan Sri Basir Ismail berkata pusat itu, yang dijadual siap pada pertengahan tahun 2002, akan menjadi satu-satunya di dunia dengan laluan terus kepada landasan Boeing 747nya sendiri.

Akan diperluaskan dengan kemudahan-kemudahan terancang, NECC akan mempunyai ruang pameran 100,000 meter persegi dan boleh menyediakan untuk konvensyen sehingga 20,000 perwakilan.

Akan terdapat juga pusat lelongan bagi rantau Asia-Pasifik bersebelahan dengan kemudahan itu.

Pusat lelongan itu akan mempunyai kemudahan untuk pesawat 747 diletak sama ada sebagai barang lelongan atau membawa barang-barang lain untuk lelongan.

Apabila ditanya pada persidangan akhbar kemudian sama ada pembangunan NECC akan mengambil sebahagian ruang atau tanah untuk Taman Penerbangan dan Aeroangkasa Atarabangsa Subang (SIAP) yang akan dibangunkan oleh Naluri Bhd, Dr Mahathir berkata pemaju boleh mengambil sekeping lagi tanah bersebelahan pusat servis Malaysia Airlines.

Katanya memandangkan tanah itu dimiliki oleh Institut Penyelidikan Getah, tidak harus ada masalah dalam mendapatkan ruang untuk membangunkan taman itu.

Adalah dilaporkan bahawa Naluri telah mencadangkan untuk membangunkan taman itu sebagai taman pelan aeroangkasa kebangsaan yang bertujuan meletakkan negara sebagai peserta penerbangan utama di rantau Asia-Pasifik.

Mengenai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku pertama tahun ini, Dr Mahathir berkata ia adalah baik dan bahawa beliau gembira dengan tahap itu.

Bank Negara Malaysia mengumumkan hari ini bahawa KDNK suku pertama tahun ini berkembang sebanyak 11.7 peratus dari 10.6 peratus dalam suku sebelumnya dan penguncupan 1.3 peratus dalam tempoh yang sama pada tahun 1999.

Semasa mengumumkan angka-angka pertumbuhan itu, Gabenor Bank Negara yang baru dilantik, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz berkata KDNK yang ketara lebih tinggi itu menggambarkan tahap aktiviti ekonomi yang dipercepatkan di negara ini ditekankan oleh permintaan luaran dan juga peningkatan dalam perbelanjaan sektor swasta yang kukuh. -- BERNAMA

SHO KTC OS